



Isnin, 24 Mei 2021, 9:55am
Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor
1:13 PM



Cari kata kunci



RASAI BERITA SEBENAR

Isu vaksin: Ketua Menteri mohon maaf

[Nur Izzati Mohamad](#)
am@hmetro.com.my



Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow. FOTO MIKAIL ONG

Georgetown: Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow memohon maaf kepada semua pihak berikutan tercetusnya kontroversi berhubung sumbangan vaksin Covid-19 untuk rakyat negeri ini daripada sebuah syarikat swasta.

Chow berkata, matlamat utama kerajaan negeri adalah mendapatkan bekalan vaksin Covid-19 dalam kadar segera memandangkan peningkatan kes yang mendadak.

Bagaimanapun, katanya, tawaran sumbangan dua juta dos vaksin Covid-19 kepada Pulau Pinang menjadi satu kontroversi yang menyimpang daripada tujuan asal kerajaan negeri yang membangkitkan perkara berkenaan pada sidang media sebelum ini.

"Perkara ini dilihat sebagai suatu perkembangan yang amat malang. Bukan hasrat kerajaan negeri untuk berperang mulut dengan mana-mana pihak termasuk Kerajaan Persekutuan.


"Sebaliknya, matlamat utama ketika ini adalah mendapatkan bekalan vaksin tambahan pada kadar segera bagi memastikan kadar vaksinasi boleh dipercepatkan demi melindungi nyawa serta menyelamatkan ekonomi rakyat negeri ini secara keseluruhan.

"Jadi, saya memohon maaf kerana tercetusnya kontroversi ini dan

Trending



[Terbaiklah Inspektor Wahed...](#)



[Ibu bapa positif Covid-19, jiran tampil bantu jaga anak](#)



[Fazli Radius One cerai kali kedua, tak serik nak kahwin lagi](#)




['Saya kehilangan mak, ayah, adik...'](#)




[Siapa HOC? Search hanya kami berlima!](#)


Mutakhir



[Suami isteri cedera dipukul, disamun](#)



[Pencari ketam hilang, tidak pulang sejak Jumaat](#)



[Operasi perniagaan di Sabah tamat 9 malam](#)



[Terbaiklah Inspektor Wahed...](#)

Jadi, saya memohon maaf kerana tercelusnya kontroversi ini dan berharap kita akan meneruskan segala usaha dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19 demi kebaikan seluruh rakyat di negara ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Chow berkata, beliau juga akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa berhubung siasatan kelak.

"Saya ingin menegaskan sekali lagi isu sebenar di sini adalah perolehan bekalan vaksin untuk rakyat Pulau Pinang.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pulau Pinang yang bersidang kelmarin juga sudah berbincang mengenai kontroversi ini dan memutuskan untuk memberi tumpuan terhadap pendekatan

terbaik dalam memperoleh bekalan vaksin pada tempoh masa terdekat sebagai memenuhi permintaan rakyat negeri ini untuk menerima vaksin dengan kadar segera," katanya.

Menurutnya, MMK memutuskan menggunakan dana kerajaan negeri bagi membeli vaksin tambahan untuk dihantar segera selain yang bakal dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan demi kepentingan serta kegunaan rakyat Pulau Pinang.

"Bagi tujuan itu, saya juga menghantar surat kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin hari ini untuk mendapatkan kebenaran pembelian vaksin secara terus oleh kerajaan negeri daripada syarikat pembekal yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam negara atau secara langsung daripada syarikat pengeluar vaksin," katanya.

Selasa lalu, kerajaan negeri sekali lagi meminta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi kelulusan menerima sumbangan dua juta dos vaksin Covid-19 selepas permohonan pertama mereka ditolak.

Bagaimanapun, Khairy mengesahkan derma dua juta dos vaksin Covid-19 berkenaan adalah tawaran palsu berdasarkan siasatan dan carian yang dilakukan pihaknya.

DAP Pulau Pinang hari ini juga turut membuat laporan polis apabila seorang individu dikenali Yong Chee Kong memaklumkan bahawa surat yang ditandatangani ditulis oleh parti politik berkenaan untuk dikemukakan sebagai tawaran rasmi, namun menggunakan alamat peribadinya bukan alamat syarikat.

Dakwaan itu dikatakan tidak berasas apabila parti politik berkenaan tidak pernah menulis surat seperti didakwa.

- [**Lagi berita berkaitan Covid-19**](#)

Disiarkan pada: Mei 21, 2021 @ 5:59pm

Artikel Berkaitan



[**MUTAKHIR**](#)

[**Pharmaniaga tidak berhubung dengan Yong Chee Kong**](#)



[**MUTAKHIR**](#)

[**Set komputer buat usahawan mikro Pulau Pinang**](#)



[**Maut di bilik hotel**](#)



[**Polis siasat berita palsu 'Nilai 3 terletak di Selangor'**](#)

MyResipi



[**Resepi Rojak Mee Legend, Tak Perlu Beli Dekat Kedai Dah, Buat Sendiri Je!**](#)



[**Jom Cuba Resepi Dodol Homemade, Hanya Guna 4 Bahan Dah Siap!**](#)



[**Resepi Menarik Hari Raya, Jom Cuba Nasi Goreng Kuah Lodeh Yang Lazat**](#)



[**Resepi Apom Manis Original Indian Style, Sedap & Berlemak!**](#)



[**Jom Cuba Resepi Baked Cheese Carbonara Meatball, Anak-Anak Mesti Suka!**](#)



MUTAKHIR
Pulau Pinang.gesa lagi kelulusan terima sumbangan 2 juta dos vaksin




MUTAKHIR
Pulau Pinang akan warta HSK sebagai kawasan tadahan air [METROTV]

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh |



Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and...
Smart Invest



Cristiano Ronaldo Sells Manchester...
Mansion Global



New "Lung Cleaning" Device Is Going Viral
Breathe Better



Kuala Lumpur: 2021's SUV Prices Might...
SUV | Search Ads



Kuala Lumpur: Liquidation Of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads




15 People From Famous Memes Look Then Vs....
TooCool2BeTrue



Malaysia - Latest news and coverage
CNA



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...
Pinjaman | Senarai Ta...



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik